




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Menyemai Kesatuan, Menuai Kekuatan: Majlis Mesyuarat Umum Dwi-tahunan D'Herbalists Ke-14

Penulis: Nurul Damia Alya Abdul Halim, Ruwaida Asyikin Abu Talip, Nurul Syahirah Mansur, dan Arianna Nur Zuhayra Zaiful Kamal Shah

Persatuan D'Herbalists telah mengadakan Mesyuarat Agung Dwi-tahunan kali ke-14 pada 30 April 2026 (Khamis) di Dewan Tellian, UiTM Kampus Mukah. Seramai 60 orang telah hadir termasuk para pensyarah, barisan kepimpinan pelajar, ahli jawatankuasa program serta pelajar-pelajar program Diploma Teknologi Pengeluaran Herba. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi persatuan dalam kalangan ahli, memupuk kerjasama dan mengasah kemahiran berkomunikasi antara pelajar.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan UiTM Dihatiku dan diikuti oleh bacaan doa. Ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Presiden Persatuan D'Herbalists, Mantan Penasihat Persatuan D'Herbalists dan Penasihat Baharu Persatuan D'Herbalists, serta Ketua Pusat Sains, Perladangan dan Agroteknologi masing-masing menekankan kepentingan penglibatan aktif pelajar dalam program persatuan bagi pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar.

Turut dibentangkan pada mesyuarat tersebut ialah laporan kewangan, laporan aktiviti yang telah dilaksanakan serta perancangan program bagi sesi akan datang. Setiap aktiviti dinilai berdasarkan pencapaian, tahap penglibatan ahli dan impaknya terhadap pembangunan pelajar. Perancangan aktiviti baharu yang dikemukakan menjadi panduan serta hala tuju persatuan bagi penggal pertama tahun 2026 dengan penekanan terhadap penganjuran program yang lebih berimpak dan inklusif. Kemeriahan majlis turut diserikan menerusi slot Duit Raya Time dan cabutan bertuah yang menjadi antara pengisian paling dinantikan oleh para peserta.

Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai usaha memperkukuh lagi hubungan dalam Persatuan D'Herbalists, di samping menyokong pembangunan sahsiah, kepimpinan dan potensi pelajar secara berterusan.



Gimik Perasmian Majlis Dwi-tahunan D'Herbalists kali ke-14.



Sesi bergambar bersama para pensyarah dan tetamu yang hadir.

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

